

**No. 20880.**

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(IJAZAH KEHORMAT) 2019**

**SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Seksyen**

1. Nama dan permulaan kuatkuasa

**BAHAGIAN II**

**IJAZAH KEHORMAT**

2. Pencalonan
3. Penubuhan dan keanggotaan jawatankuasa khas
4. Fungsi dan kewajipan jawatankuasa khas
5. Penganugerahan

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

STATUT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(IJAZAH KEHORMAT) 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah [*P.U. (A) 460/2010*], Canselor membuat Statut berikut:

Nama dan permulaan kuatkuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaysia Sabah (Ijazah Kehormat) 2019.

(2) Statut ini hendaklah disifatkan berkuat kuasa pada 8 Ogos 2019.

Pencalonan

2. (1) Pencalonan bagi penganugerahan sesuatu Ijazah Kehormat hendaklah dikemukakan kepada Senat oleh Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau oleh mana-mana ahli Senat.

(2) Penganugerahan sesuatu Ijazah Kehormat kepada mana-mana orang hendaklah diberikan oleh Senat atas syor jawatankuasa khas yang ditubuh olehnya dan dengan keizinan Lembaga.

Penubuhan dan keanggotaan jawatankuasa khas

3. Jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Senat hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Semua Timbalan Naib Canselor;
- (c) Dekan Fakulti atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang berkenaan;
- (d) Dua orang profesor yang dinamakan oleh Senat; dan
- (e) Pendaftar.

Fungsi dan kewajipan jawatankuasa khas

4. (1) Jawatankuasa khas hendaklah menimbang dan mengesyorkan kepada Senat mana-mana calon yang telah dicadangkan untuk penganugerahan Ijazah Kehormat.

(2) Bagi tujuan subseksyen (1), Senat boleh menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada orang yang telah memberi sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah membuat jasa cemerlang kepada awam.

#### Penganugerahan

5. Tertakluk kepada perenggan 22(6)(b) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah, Senat boleh menganugerahkan apa-apa Ijazah Kehormat di peringkat Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah atau setaraf, yang berkaitan dengan program-program pengajian yang ditawarkan atau bidang yang difikirkan sesuai oleh Senat.

Dibuat 8 Ogos 2019

TYT TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) HAJI JUHAR BIN  
DATUK HAJI MAHIRUDDIN  
*Canselor*  
*Universiti Malaysia Sabah*